

Newspaper	Utusan Melayu
Date	19/08/2017D

# SHIP lahir bumiputera berpendapatan tinggi

**PUTRAJAYA 18 Ogos** - Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengumumkan Program Kerjaya Berpendapatan Tinggi (SHIP) bertujuan meningkatkan penglibatan golongan bumiputera dalam kerjaya berpendapatan lebih RM20,000 sebulan.

Perdana Menteri berkata, program yang dikendalikan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (Yayasan Peneraju) dan bermula hujung tahun ini menawarkan peluang kepada bumiputera mengikuti latihan dan pensijilan khusus dalam bidang-bidang terpilih.

Menurutnya, fokus akan diberikan kepada industri-industri yang memerlukan tenaga mahir dan profesional seperti perkhidmatan kewangan, perkhidmatan perniagaan, kesihatan, maritim dan aeroangkasa.

"Permohonan penyertaan akan dibuka pada penghujung tahun ini dengan fasa pertama melibatkan seramai 50 penerima faedah dengan pembiayaan maksimum berjumlah RM10 juta dalam industri



**NAJIB TUN RAZAK** bersama penerima manfaat Yayasan Peneraju selepas melancarkan buku *#Inicerasaya* di Putrajaya, semalam. Hadir sama (berdiri) Idris Jusoh (dua dari kiri), Mustapa Mohamed (tiga dari kiri), Abdul Rahman Dahlan (empat dari kanan), Johari Abdul Ghani (dua dari kanan) dan Raja Azura Raja Mahayuddin (enam dari kiri). - UTUSAN/RASHID MAHFOF

perkhidmatan kewangan, kesihatan dan teknologi.

"Fasa seterusnya akan bermula pada 2018 dengan lebih banyak bidang kepakaran dan industri yang diperkenalkan secara berperingkat melibatkan 250 penerima," katanya.

Beliau berucap dalam majlis pelancaran SHIP dan buku *#Inicerasaya* edisi kedua di Bangunan Perdana Putra di sini hari ini.

Yang hadir sama Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan; Men-

teri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh; Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Ketua Eksekutif Yayasan Peneraju, Raja Azura Raja Mahayuddin.